KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	8/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

Waspada tawaran khidmat penjimatan tenaga elektrik

Sindiket ambil kesempatan tipu pengguna ubah suai meter kurangkan bil

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Tenaga (ST) mengingatkan pengguna berwaspada dengan tawaran perkhidmatan penjimatan tenaga elektrik oleh sindiket yang menjadi antara taktik mencuri elektrik.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Mohd Elmi Anas, berkata difahamkan sindiket terbabit mengambil kesempatan menipu tanpa disedari pengguna, dengan mengusik dan mengubah suai meter elektrik bagi mengurangkan bil elektrik pengguna.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan ada pengguna mendapatkan perkhidmatan pihak tidak bertanggungjawab dan cuba mengurangkan bil elektrik bulanan dengan cara mengganggu dan mengusik sistem pemeteran elektrik di premis mereka.

"ST ingin menasihati orang ramai tidak mengambil jalan mudah atau jangan terpedaya dengan tawaran menjimatkan elektrik.

"Modus operandi dan kaedah biasa digunakan pihak tidak bertanggungjawab itu ialah mengusik sistem pemeteran elektrik seperti memotong pendawaian masuk, meletak bendasing bagi menghalang atau memperlahankan meter, mengganggu keadaan fizikal meter, sambungan terus tanpa melalui meter, pintasan sistem dan pendawaian meter," katanya

Mohd Elmi berkata, kes penggunaan elektrik dengan curang atau mencuri elektrik biasanya dilakukan pengguna dengan penggunaan elektrik tinggi seperti kilang ais, perlombongan bitcoin dan lain-lain, malah ada juga kes membabitkan pengguna domestik.

"Kegiatan mencuri elektrik ini kesalahan mengikut Seksyen 37 (1) dan Seksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda hingga RM1 juta atau penjara maksimum lima tahun untuk kesalahan pertama, manakala denda hingga RM5 juta atau penjara hingga 10 tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan untuk kesalahan kedua dan seterusnya.

"Mengikut Seksyen 38 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990 pula, pihak pemegang lesen seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) boleh menuntut kerugian hasil di mahkamah sekiranya dapat membuktikan mana-mana orang mengusik atau mengganggu meter elektrik daripada merekodkan dengan betul," katanya.

Beliau berkata, dari 2015 hingga 2021, ST membuka 64 kertas siasatan dengan 36 syarikat dan individu didakwa di mahkamah serta dikenakan hukuman denda, manakala bakinya sedang menunggu izin daripada pihak Timbalan Pendakwa Raya untuk meneruskan pendakwaan.

"ST berharap pihak yang dibawa ke mahkamah dan didenda, tidak mengulangi perbuatan mencuri elektrik dan kes dapat menjadi pengajaran kepada semua pihak supaya tidak mengusik meter elektrik pihak utiliti dengan niat mengganggu bacaan bil elektrik daripada mencatat bacaan meter dengan betul," katanya.

Mohd Elmi turut menasihati pemilik premis berhati-hati dengan kemungkinan premis mereka digunakan penyewa untuk menjalankan aktiviti mencuri elektrik.

Selain itu, beliau berkata, sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung serta Sabah, ST sentiasa melaksana dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga, selain memastikan keselamatan orang awam.

Katanya, ST memandang serius kegiatan mencuri elektrik kerana ia bukan saja membabitkan keselamatan, kebakaran atau gangguan bekalan elektrik, malah memberi implikasi besar kepada negara dan pengguna lain memandangkan kos elektrik yang dicuri akan ditanggung semua pengguna dalam penetapan tarif elektrik.

"Bagi membanteras kegiatan mencuri elektrik, ST menjalin kerjasama dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta pihak berkuasa tempatan, selain melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersama.

"Dalam kes mencuri elektrik ini juga, PDRM boleh mengambil tindakan undang-undang mengikut kanun keseksaan atau akta pencegahan jenayah," katanya.

Mohd Elmi turut menyarankan pengguna mengamalkan kaedah penjimatan elektrik dan menggunakan kelengkapan elektrik cekap tenaga yang dilabel dengan lima bintang bagi mengurangkan bil elektrik.

"ST mengalu-alukan kerjasama orang ramai memaklumkan aktiviti mengusik meter elektrik melalui sistem Aduan ST yang boleh dicapai melalui laman sesawang: www.st.gov.my dan aplikasi telefon pintar yang boleh dimuat turun daripada Google Playstore serta Apple Store secara percuma oleh pengguna Android dan iOS," katanya.

> Modus operandi dan kaedah biasa digunakan pihak tidak bertanggungjawab itu ialah mengusik sistem pemeteran elektrik seperti memotong pendawaian masuk, meletak bendasing bagi menghalang atau memperlahankan meter dan pendawaian meter

Mohd Elmi Anas, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST

